

SULIT
3766/1
Perniagaan
Kertas 1
2020
1jam 15 minit

UJIAN DIAGNOSTIK 2
TINGKATAN 5

PERNIAGAAN

KERTAS 1
Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Apakah tujuan setiap perniagaan menyediakan barang dan perkhidmatan?

- A Meningkatkan imej perniagaan
- B Meningkatkan taraf hidup masyarakat
- C Menjalankan penyelidikan dan pembangunan
- D Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

2. Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal?

- A Kedai Runcit Ali
- B Restoran Minah dan Baba
- C Koperasi Bersatu Berhad
- D Syarikat Kemboja Sdn. Bhd.

3. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

- Didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Terdiri daripada beberapa ahli yang menggabungkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran
- Semua ahli membayar cukai pendapatan persendirian.


Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Syarikat Awam Berhad

4. Usaha sama ialah

- A Bentuk perniagaan untuk menjaga kebajikan pemiliknya.
- B Hak yang diberi untuk menjalankan perniagaan yang sama jenis.
- C Perniagaan yang dijalankan untuk memenuhi permintaan pengguna.
- D Dua syarikat bergabung untuk membentuk sebuah syarikat yang baharu

5. Rajah di bawah ini berkaitan dengan sektor perniagaan



Manakah yang mewakili X?

- I Pertanian
- II Pembinaan
- III Perhotelan
- IV Perhutanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Maklumat berikut menunjukkan contoh aktiviti-aktiviti sektor perniagaan.

X : Perlombongan petroleum

Y : Pengangkutan gas cecair

Klasifikasi sektor manakah yang tepat?

	X	Y
A	Sektor utama	Sektor kedua
B	Sektor ketiga	Sektor kedua
C	Sektor utama	Sektor ketiga
D	Sektor utama	Sektor kedua

7. Pasangan manakah yang betul mengenai perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
A	Syer boleh dipindah milik dengan bebas	Syer tidak boleh dipindah milik dengan bebas
B	Bilangan pemegang syer terhad	Bilangan pemegang syer tidak terhad
C	Syer boleh dijual kepada orang ramai	Syer dijual kepada sekumpulan individu tertentu
D	Penyata kewangan perlu diumumkan kepada orang ramai	Penyata kewangan tidak diumumkan kepada orang ramai

8. Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Hasan, pengusaha kilang keropok.

Encik Hasan adalah seorang pengusaha kilang keropok di Kampung Lipan, Terengganu. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong. Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada puratanya, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM750, 000.

Klasifikasikan saiz perniagaan Encik Hassan mengikut saiz dan sektor.

	Saiz	Sektor
A	kecil	Perkilangan
B	kecil	pembinaan
C	sederhana	Perkilangan
D	besar	perkhidmatan

9. Yang manakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ?

- A Menyediakan infrastruktur
- B Menyediakan bantuan pelaburan
- C Memajukan sistem Pendidikan usahawan
- D Menaja pembangunan perniagaan setempat

10. Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?

- I Sumber manusia
- II Teknologi maklumat
- III Persaingan dan jaringan
- IV Sosiobudaya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

Encik Rahman mempunyai beberapa orang pekerja yang sangat rajin, kreatif, berdisiplin dan berkemahiran. Ini telah membuatkan perniagaan restoran Encik Rahman semakin maju.

Apakah trend persekitaran yang berlaku

- A Trend meningkat, faktor luaran
- B Trend menurun, faktor luaran
- C Trend menurun, faktor dalaman
- D Trend meningkat, faktor dalaman

12. Sesebuah perniagaan memerlukan visi supaya hala tuju perniagaan dapat dicapai. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan maksud visi?

- A Target keuntungan dalam perniagaan
- B Menjadi panduan untuk membuat keputusan
- C Sesuatu yang dibentuk untuk memuaskan pekerja
- D Sasaran yang boleh diukur dalam pencapaian perniagaan

13. Syarikat Batik Siti Kelantan mensasarkan pengeluaran batik sebanyak 6,000 helai dalam tempoh masa seminggu sebagai memenuhi permintaan pelanggan dalam dan luar negara.

Nyatakan ciri-ciri SMART dalam penetapan objektif syarikat Batik Siti Kelantan.

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Jangka Masa
- D Boleh dicapai

14. Berkaitan dengan memaksimumkan keuntungan perniagaan, apakah kepentingan perancangan jangka panjang dari aspek daya pengeluaran?

- I Dapat mewujudkan kesetiaan jenama
- II Mengurangkan kos seunit keluaran
- III Mengelakkan pembaziran sumber
- IV Dapat menguasai syer pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maklumat berikut menunjukkan dua buah perniagaan yang terdapat di Bandar Alor Gajah, Melaka.

Family Store

Kilang Biskut Julie

Bahagian fungsian yang manakah hanya terdapat di Kilang Biskut Julie?

- A Jualan
 - B Pembelian
 - C Pengeluaran
 - D Pengurusan Sumber Manusia
16. Pernyataan manakah menerangkan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?
- A Merancang kewangan organisasi perniagaan
 - B Menjalankan aktiviti sokongan agar aktiviti perniagaan berjalan lancar
 - C Menjalankan aktiviti pengurusan sumber manusia untuk memastikan pengeluaran dapat dijalankan dengan sempurna
 - D Merancang dan mengawal pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi

17. Maklumat di bawah berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat terhadap bahagian fungsian *E* dalam sesebuah organisasi.

- Laman Web
- Blog
- Laman Sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*

Apakah bahagian fungsian *E*?

- A Jualan
 - B Pembelian
 - C Pemasaran
 - D Pengeluaran
18. Apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi dalam sesebuah organisasi perniagaan ?
- A Dapat meningkatkan produktiviti
 - B Memudahkan pengurusan inventori
 - C Memastikan keselamatan sistem ICT
 - D Dapat membuat perancangan kewangan